

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

7. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan apakah insentif Kerajaan Negeri bagi menyebarluaskan penggunaan jalur lebar 5G di Pulau Pinang.
 - (a) Apakah insentif bagi meningkatkan penggunaan internet di DUN Permatang Pasir yang rata-rata menggunakan perkhidmatan streamyx?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Bagi memastikan ketersediaan jalur lebar bertaraf 5G di seluruh negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan kesemua syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi telah merangka satu Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang atau *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) selaras dengan Pelan Gentian Optik Dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Strategi pelaksanaan PCMP ini merangkumi aspek pembangunan infrastruktur telekomunikasi, pengurusan tadbir urus yang lebih cekap dan peningkatan kesedaran awam terhadap pembangunan infrastruktur telekomunikasi 5G di negeri Pulau Pinang. Bagi pengukuhan infrastruktur telekomunikasi di seluruh negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri turut menyediakan insentif memudah cara kepada syarikat telekomunikasi bagi merancakkan pembangunan jaringan telekomunikasi di Pulau Pinang. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan perancangan jangka masa pendek untuk **memperluaskan akses internet percuma** dan menambahbaik kegunaan infrastruktur sedia ada melalui pelaksanaan projek **smart street pole** di seluruh negeri Pulau Pinang. Bagi perancangan jangka masa panjang pula, Kerajaan

Negeri telah menyasarkan agar projek fiberisasi meliputi keseluruhan negeri dengan mewujudkan peluang perkongsian antara Kerajaan Negeri dengan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi melalui penubuhan konsortium.

- (a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak merancang sebarang insentif diberikan secara langsung kepada pengguna untuk meningkatkan penggunaan internet di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, melalui perancangan PCMP, Kerajaan Negeri berkerjasama rapat dengan kesemua syarikat penyedia telekomunikasi dalam membangunkan infrastruktur telekomunikasi di kawasan-kawasan terpinggir bagi mengurangkan jurang digital di seluruh negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2030.